

Hadiah Dari ASEAN

Pada tahun 2025, ketika Malaysia menjadi tuan rumah ASEAN, Balai Seni Negara buat julung-julung kali mengadakan sebuah pameran yang mempamerkan karya koleksi tetap hasil daripada hadiah oleh negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan juga negara ASEAN +6 iaitu Korea Selatan, Jepun, China dan India. Karya-karya hadiah ini merupakan karya-karya yang pernah dipamerkan dalam sebuah pameran di Balai Seni Negara bersifat antarabangsa sebelum ini. Pelbagai bentuk, medium dan saiz hasil daripada kreativiti seniman antarabangsa telah menjadi sebahagian daripada Koleksi Tetap Balai Seni Negara.

Objektif utama pameran ini adalah untuk menekankan kepentingan sumbangan seni sebagai bukti kesan berpanjangan diplomasi budaya, selaras dengan aspirasi ASEAN 2025 untuk mempromosikan perpaduan dalam kepelbagaiannya demi menjadi komuniti yang bersatu, inklusif serta berdaya tahan. Himpunan karya-karya yang dipamerkan ini melambangkan ikatan persahabatan dan pertukaran budaya yang berterusan yang selaras dengan misi ASEAN dalam konteks seni visual sebagai pemangkin kepada perkongsian ilmu.

Pameran ini meraikan peranan penting Malaysia sebagai pusat budaya dan diplomatik dalam rantau ini dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah untuk ASEAN. Semoga dengan pameran ini, ia menonjolkan nilai-nilai bersama, pertukaran seni dan hubungan sejarah yang menyatukan negara-negara ini. Sumbangan karya-karya ini telah memperkayakan naratif pameran, menekankan tradisi seni yang pelbagai tetapi saling berkait dengan amalan kontemporari di rantau ini.

A Gift from ASEAN

In 2025, as Malaysia hosts the ASEAN Summit, the National Art Gallery is proud to present an exhibition showcasing works from its Permanent Collection for the very first time. These works were generously gifted by countries such as Indonesia, Thailand, Singapore and ASEAN +6, namely South Korea, Japan, China, and India. These gifted pieces were initially exhibited in a prior international exhibition at the National Art Gallery. They encompass a variety of forms, mediums and sizes, reflecting the creativity of international artists and now forming an integral part of the gallery's Permanent Collection.

The primary objective of this exhibition is to highlight the enduring impact of cultural diplomacy through art, aligning with ASEAN's 2025 aspirations to promote unity in diversity. It seeks to foster a united, inclusive and resilient community. The collection of artworks on display symbolises the bonds of friendship and the ongoing exchange of cultures, which aligns with ASEAN's mission to use visual arts as a catalyst for knowledge sharing.

This exhibition celebrates Malaysia's pivotal role as a cultural and diplomatic hub in the region, further solidifying its position as the host nation for ASEAN. Through this initiative, it is hoped that shared values, artistic exchange and historical connections that unite these countries will be brought to the forefront. The contributions of these gifted works enrich the exhibition narrative, underscoring the diverse yet interconnected art traditions that coexist with contemporary practices across the region.